

# Prinsip-prinsip Panduan Pembekal

Memperkasa Kerjasama dengan Pembekal untuk Kemajuan Berterusan dan Penggunaan Sumber yang Bertanggungjawab

## Isi Kandungan

<b>Pengenalan .....</b>	<b>3</b>
Skop .....	3
<b>Pendekatan Kami untuk Prinsip Panduan Pembekal .....</b>	<b>4</b>
<b>Kami Menjalankan Perniagaan dengan Penuh Integriti</b>	<b>6</b>
Pematuhan kepada Undang-undang dan Peraturan .....	6
Antirasuah dan Antisogokan .....	6
Hadiah dan Layanan Baik .....	6
Konflik Kepentingan .....	7
Ketepatan Rekod Perniagaan .....	7
Persaingan yang Adil .....	7
Privasi Data dan Perlindungan Maklumat .....	7
Kerahsianan .....	7
Pematuhan kepada Perdagangan Antarabangsa .....	7
<b>Kami Menghormati Hak Asasi Manusia dan Amalan Tenaga Kerja Beretika .....</b>	<b>8</b>
Dasar Hak Asasi Manusia Global KHC .....	8
Buruh Kanak-kanak .....	8
Penggajian yang Bertanggungjawab .....	8
Pekerja Asing .....	9
Tenaga Kerja Paksa atau Tidak Sukarela .....	9
Waktu Kerja, Minggu Kerja dan Pembayaran Gaji .....	9
Penggajian Tanpa Diskriminasi .....	9
Kebebasan Menyertai Persatuan & Perundingan Kolektif .....	9
Hak-hak Tanah .....	9
Pertimbangan Linguistik .....	9
<b>Kami Percaya Bahawa Pekerja Berhak Mendapat Persekutaran Kerja yang Selamat dan Sihat .....</b>	<b>10</b>
Kesihatan dan Keselamatan .....	11
Tempat Penginapan .....	11
Gangguan, Penderaan dan Tindakan Tataterib .....	11
<b>Kami Menggalakkan Kepelbagaiannya Pembekal .....</b>	<b>12</b>
Nilai KHC "Kami Mahu Kepelbagaiannya" .....	12
<b>Kami Komited untuk Melindungi Haiwan dan Kebajikannya .....</b>	<b>13</b>
Dasar KHC mengenai Kebajikan Haiwan .....	13
Panduan Pelaksanaan Dasar Kebajikan Haiwan KHC .....	13
<b>Kami Rakan Alam Sekitar .....</b>	<b>14</b>
Penjagaan Air .....	15
Pengurusan Sisa .....	15
Pelepasan Gas Rumah Hijau .....	15
Amalan Pertanian .....	16
Kepelbagaiannya Biologi .....	16
Sumber Protein .....	17
Pembungkusan Mampan .....	17
Mengurangkan Kesan Alam Sekitar Disebabkan Penggunaan Bahan Kimia .....	17
Penebangan Hutan .....	17
<b>Tanggungjawab Kraft Heinz kepada Pembekalnya .....</b>	<b>18</b>
Dasar KHC mengenai Kebajikan Haiwan .....	18
Panduan Pelaksanaan Dasar Kebajikan Haiwan KHC .....	18
<b>Pelaksanaan &amp; Latihan .....</b>	<b>19</b>
Pelaksanaan oleh Pembekal .....	19
Latihan .....	19
<b>Pemantauan &amp; Pematuhan .....</b>	<b>20</b>
Pemantauan .....	20
Audit Luar .....	21
Menangani Ketidakpatuhan .....	21
Melaporkan Kebimbangan .....	21

## Pengenalan

Di Kraft Heinz Company ("Kraft Heinz"), kami dipacu oleh Visi kami "Untuk Berkembang Secara Mampan dengan Menawarkan Kegembiraan kepada Lebih Ramai Pengguna di Seluruh Dunia". Sebagai sebuah syarikat, kami mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dan menggalas tanggungjawab untuk menyumbang kepada penambahbaikan yang dapat melindungi planet kita, mendorong amalan perniagaan yang bertanggungjawab dan menyokong komuniti di lokasi kami berada dan bekerja.

Prinsip-prinsip Panduan Pembekal ("Prinsip" atau "Dasar" ini) menggariskan keperluan, piawaian dan jangkaan kami terhadap semua pembekal kami. Dasar ini merupakan piawaian global dan disusun berdasarkan amalan terbaik industri dan piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Setiap pembekal bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan mereka kepada Dasar ini. Pembekal dikehendaki menguruskan para subkontraktor dan rantaian bekalan mereka dengan cara yang mematuhi Dasar ini.


## Skop

Prinsip-prinsip ini menjadi tunggak utama dalam program Persekutaran, Sosial dan Tadbir Urus (Environmental, Social and Governance, ESG) Kraft Heinz serta program Etika dan Pematuhan, dan dipandu oleh komitmen teguh kami untuk menerapkan budaya integriti dan etika dalam perniagaan dengan merealisasikan jangkaan Kraft Heinz untuk mewujudkan persekitaran kerja yang adil, selamat, mematuhi undang-undang, telus, bertanggungjawab dan sihat di seluruh rantaian bekalan kami. Prinsip-prinsip ini boleh dipinda dari semasa ke semasa.

Prinsip-prinsip ini menggariskan keperluan dan amalan perniagaan yang diharap dapat dipatuhi oleh para pembekal Kraft Heinz, syarikat-syarikat subsidiari dan unit-unit perniagaannya di seluruh dunia (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "Kraft Heinz"). Dalam keseluruhan Prinsip ini, istilah "pembekal" merujuk pada pembekal langsung dan tidak langsung produk dan/atau perkhidmatan kepada Kraft Heinz dan para subkontraktor mereka. Istilah "pembekal" merangkumi kontraktor, pengilang luar, vendor, pembekal perkhidmatan, pembekal tenaga kerja, pengedar, pemegang lesen dan rakan usaha sama. Selanjutnya, prinsip-prinsip ini juga merangkumi mana-mana "pekerja" yang digaji atau dilantik oleh pembekal Kraft Heinz, serta para subkontraktor pembekal tersebut dan pembekal hiliran, termasuk tetapi tidak terhad kepada kakitangan, pekerja agensi, pekerja asing, pekerja muda yang sah (bawah umur), pelatih, orang yang dipinjamkan dan intern (pengalaman latihan amali), sama ada yang berstatus pekerja tetap, sementara, sepenuh masa, sambilan atau kontrak.

Penerimaan Prinsip-prinsip ini dan komitmen untuk mematuhi syarat-syarat yang terkandung dalam dokumen ini merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak atau pesanan belian mana-mana pembekal Kraft Heinz. Kontrak pembekal tertentu mungkin mengandungi peruntukan yang lebih khusus bagi menangani beberapa isu ini. Tiada apa pun dalam Polisi ini boleh menggantikan mana-mana peruntukan khusus dalam kontrak pembekal.





# Pendekatan Kami Untuk Menerapkan Prinsip-prinsip Panduan Pembekal

Di Kraft Heinz, kami bekerjasama dengan para pembekal untuk menangani dan terus memperbaiki faktor-faktor sosial dan persekitaran yang merupakan komponen penting dalam perniagaan kami. Kami berharap agar para pembekal kami akan berkongsi komitmen kami terhadap penggunaan sumber yang bertanggungjawab.

**Syarat Wajib** dan **Jangkaan Amalan** yang digariskan dalam Dasar ini dipandu oleh amalan terbaik industri dan piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, termasuk tanpa had, Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, Rang Undang-Undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa, dan prinsip-prinsip yang termaktub dalam Deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labour Organization, ILO) mengenai Prinsip dan Hak Asasi di Tempat Kerja.

Bagi menyokong komitmen untuk terus meningkatkan prestasi kami dari sehari ke sehari, kami giat mengambil bahagian dalam platform kolaborasi, mencapai penanda aras piawaian industri, dan bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan dalaman dan luaran (sepertimana yang ditakrifkan dalam Laporan ESG kami) melalui program-program keterlibatan ESG. Prinsip-prinsip ini mencerminkan pendirian terkini kami mengenai penggunaan sumber yang bertanggungjawab, dan kami giat mengkaji semula Dasar ini secara berterusan untuk menilai dan melaksanakan kemas kini yang sewajarnya terhadap syarat dan jangkaan yang dinyatakan di sini.

## Syarat & Amalan

Semua pembekal Kraft Heinz mesti mematuhi Syarat Wajib yang digariskan dalam Dasar ini. Kami juga menggalakkan pembekal supaya meneliti Jangkaan Amalan yang terangkum dalam Dasar ini sebagai panduan terhadap usaha-usaha penambahbaikan lanjut.

 **Syarat Wajib** menetapkan keperluan tatakelakuan minimum untuk menjadi pembekal Kraft Heinz

 **Jangkaan Amalan** menggariskan tatakelakuan atau amalan yang belum diwajibkan, tetapi yang mungkin akan menjadi Syarat Wajib pada masa akan datang. Kami menggesa semua pembekal kami untuk berusaha memenuhi Jangkaan Amalan dengan melakukan penilaian risiko, menyusun perancangan pengurusan dan menetapkan sasaran peningkatan yang berterusan. Usaha-usaha yang dilaksanakan itu hendaklah boleh diukur dan dipantau.

# Prinsip-prinsip Panduan Pembekal

Memperkasa Kerjasama dengan Pembekal untuk Kemajuan Berterusan dan Penggunaan Sumber yang Bertanggungjawab



**Kami menjalankan perniagaan dengan penuh integriti.**




**Kami menghormati hak asasi manusia dan amalan tenaga kerja beretika**



**Kami percaya bahawa pekerja berhak mendapat persekitaran kerja yang selamat dan sihat.**


**Kami menggalakkan kepelbagaian pembekal.**



**Kami komited untuk melindungi haiwan dan kebajikan mereka.**



**Kami rakan alam sekitar.**



# Kami menjalankan perniagaan dengan penuh integriti.

 **Syarat Wajib:** Semua yang berikut adalah syarat wajib untuk para pembekal kami.

## ⦿ Pematuhan kepada Undang-undang dan Peraturan

Pembekal mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan di negara-negara mereka beroperasi, serta semua undang-undang dan peraturan yang diguna pakai untuk pembekalan produk dan/atau perkhidmatan kepada Kraft Heinz.

## ⦿ Antirasuah dan Antisogokan

Pembekal tidak boleh, sama ada secara langsung maupun tidak langsung, memberi apa-apa bayaran, tawaran, hadiah, janji, insentif, atau memberi sesuatu yang ada nilai sebagai pertukaran untuk memperoleh kelebihan yang tidak sewajarnya dalam perniagaan. Pembekal mesti mematuhi sepenuhnya Akta Amalan Rasuah Asing Amerika Syarikat, Akta Rasuah UK, Akta Rasuah Pegawai Awam Asing Kanada, dan/atau semua undang-undang antirasuah dan antisogokan yang diguna pakai. Pembekal mesti mempunyai pendirian toleransi sifar dalam isu-isu yang berkaitan dengan penggelapan, pemerasan, sogokan dan rasuah (termasuk larangan membuat bayaran pemudahcara). Pembekal mesti mematuhi Proses Usaha Wajar Pihak Ketiga dalam Etika & Pematuhan Kraft Heinz. Proses ini menghendaki pembekal mengisyitiharkan sebarang hubungan perniagaan atau pemilikan dengan pegawai atau entiti kerajaan, wakil-wakil parti politik atau pekerja Kraft Heinz, sebelum menjalankan perniagaan dengan Kraft Heinz.

## ⦿ Hadiah dan Layanan Baik

Pekerja Kraft Heinz tidak boleh menerima atau mendapat hadiah daripada mana-mana rakan perniagaan, melainkan barang-barang yang tidak penting, tidak berkaitan dan mempunyai nilai nominal, contohnya barang promosi berlogo. Sebarang hadiah atau hiburan perniagaan yang disediakan oleh pembekal mesti dilakukan untuk tujuan perniagaan yang sah, tidak boleh disasarkan untuk memperoleh kelebihan yang tidak wajar atau mempengaruhi (atau kelihatan seolah-olah mempengaruhi keputusan perniagaan), dan tidak boleh melanggar undang-undang negara di mana hadiah atau hiburan itu diberikan atau diterima. Sebarang pemberian hadiah atau hiburan tidak boleh berlebih-lebihan atau kerap, mesti berpatutan dari segi nilai dan mesti memenuhi tujuan perniagaan yang sah.

## ⦿ Konflik Kepentingan

Pembekal mesti sentiasa bebas daripada pengaruh konflik kepentingan sebenar atau yang berpotensi berlaku semasa pembekal menjalankan urusan perniagaan dengan Kraft Heinz. Pembekal mesti mendedahkan dengan segera sebarang hubungan perniagaan yang melibatkan diri mereka (atau yang dirancang untuk terlibat), yang boleh mengakibatkan konflik kepentingan sebenar atau yang berpotensi berlaku atau kelihatan seolah-olah menimbulkan konflik kepentingan.

## ⦿ Ketepatan Rekod Perniagaan

Pembekal hendaklah merekod dan menyelenggara semua transaksi komersial dan perniagaan dengan lengkap, telus, tepat dan tanpa berlengah. Pembekal tidak boleh memalsukan, memadam, silap menyatakan atau menyembunyikan sebarang maklumat mengenai rekod perniagaan pembekal. Buku dan rekod mesti disimpan mengikut keperluan semua undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa serta prinsip perakaunan yang diterima umum.

## ⦿ Persaingan yang Adil

Pembekal mesti bersaing dengan cara yang berintegriti di seluruh dunia. Pembekal tidak boleh, sama ada secara langsung maupun tidak langsung, melakukan kolaborasi gelap atau yang menyalahi undang-undang dengan pesaing, membincangkan persaingan atau maklumat sensitif dengan pesaing, atau bersetuju untuk menyekat perdagangan atau mengurangkan persaingan. Pembekal mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan persaingan atau antimonopoli yang berkuat kuasa.

## ⦿ Privasi Data dan Perlindungan Maklumat

Pembekal mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan perlindungan, privasi dan/atau pemprosesan data dan maklumat (termasuk data dan maklumat berkaitan individu yang dikenal pasti atau boleh dikenali yang dianggap sebagai data peribadi atau maklumat peribadi) dan tidak boleh menyebabkan Kraft Heinz melanggar undang-undang dan peraturan tersebut. Mana-mana pembekal yang memproses data peribadi bagi pihak Kraft Heinz bersetuju untuk memproses data peribadi tersebut mengikut keperluan mana-mana pemprosesan data yang disediakan oleh Kraft Heinz kepada pembekal dalam peruntukan kontrak atau secara bertulis. Pembekal mesti memberitahu Kraft Heinz sebaik sahaja ia menyedari tentang apa-apa akses tidak sah, kecurian, kehilangan, penyalahgunaan atau kerosakan, atau apa-apa pelanggaran keselamatan lain, berkaitan dengan data Kraft Heinz atau maklumat yang dimiliki oleh (atau diproses oleh atau atas arahan) pembekal, ejen atau subkontraktornya.

## ⦿ Kerahsiaan

Pembekal mesti, dengan cara yang sewajarnya, mengurus dan melindungi apa-apa maklumat sulit, rahsia perdagangan dan/atau harta intelek yang dimiliki oleh Kraft Heinz atau rakan niaga Kraft Heinz yang dikongsi dengannya untuk memastikan kerahsiaan terpelihara dan maklumat tersebut tidak didedahkan (walaupun pembekal telah membuat perjanjian tanpa pendedahan dengan Kraft Heinz). Pembekal mesti memberitahu Kraft Heinz dengan secepat mungkin sekiranya berlaku pendedahan yang tidak sah, kehilangan atau kemudarat terhadap maklumat sulit yang dimiliki oleh Kraft Heinz atau rakan niaga Kraft Heinz, dan mengambil langkah-langkah terbaik untuk mengurangkan sebarang kemungkinan risiko yang berkaitan dengan pelanggaran tersebut. Maklumat sulit atau proprietari mengenai Kraft Heinz tidak boleh digunakan untuk melibatkan diri dalam, atau menyokong, perdagangan orang dalam atau untuk mana-mana aktiviti lain yang tidak berkaitan dengan pembekalan barang dan/atau perkhidmatan kepada Kraft Heinz dan kontraktornya.

## ⦿ Pematuhan kepada Perdagangan Antarabangsa

Pembekal mesti mematuhi semua sekat ekonomi, kawalan eksport dan undang-undang antibiotik, peraturan, perintah, penetapan, lesen dan arahan yang berkenaan. Pembekal mesti melaksanakan kawalan dalaman yang berkesan untuk meminimumkan risiko pelanggaran undang-undang ini dan untuk mengelakkan Kraft Heinz daripada melanggar undang-undang tersebut.





# Kami menghormati hak asasi manusia dan amalan tenaga kerja beretika.

Kraft Heinz komited untuk mendukung amalan perniagaan yang bertanggungjawab dan melayan semua orang secara bermaruah serta menghormati hak asasi mereka.

 **Syarat Wajib:** Semua yang berikut adalah syarat wajib untuk para pembekal kami.

## ⦿ Buruh Kanak-kanak

Pembekal tidak akan, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui kontraktor atau subkontraktornya, menggunakan buruh kanak-kanak, dan mesti menetapkan dasar yang melarang penggunaan buruh kanak-kanak. Pembekal akan mematuhi had umur minimum untuk bekerja yang ditetapkan oleh undang-undang yang berkuatkuasa atau oleh Konvensyen 138 ILO, mengikut mana yang lebih ketat. Mengikut Konvensyen ILO 138, umur minimum untuk bekerja adalah umur persekolahan wajib di lokaliti tempatan, tetapi tidak kurang daripada 15 tahun (14 tahun di negara-negara membangun yang tertentu), tertakluk pada pengecualian yang dibenarkan oleh ILO dan undang-undang yang berkuatkuasa (iaitu untuk kerja-kerja ringan di ladang keluarga yang tidak mengganggu pendidikan yang diperlukan mengikut undang-undang). Kanak-kanak yang melebihi umur minimum untuk bekerja tidak boleh terdedah kepada risiko fizikal yang tidak wajar dan boleh membahayakan perkembangan fizikal, mental atau emosi. Tiada orang di bawah umur 18 tahun boleh diambil bekerja pada waktu malam atau dalam keadaan-keadaan berbahaya (contohnya mengendalikan jentera berat atau bahan kimia berbahaya).

## ⦿ Penggajian yang Bertanggungjawab

Pembekal hendaklah menerapkan amalan penggajian yang profesional, beretika, selamat, terjamin dan bertanggungjawab dengan niat untuk mencegah pendedahan risiko tidak wajar, eksplorasi, dan tidak mengenakan ikatan kewangan yang tidak munasabah terhadap pekerja yang digajikan. Kraft Heinz mematuhi "Prinsip Majikan Membayar". Oleh itu, pembekal mesti memastikan bahawa pekerja dan pencari kerja tidak dikenakan bayaran untuk kerja mereka dan bahawa kos penggajian hendaklah ditanggung oleh pihak majikan, bukan oleh pekerja.

## ⦿ Pekerja Asing

Pertimbangan tambahan hendaklah diberikan untuk melindungi pekerja asing – individu yang bekerja di luar negara asal mereka – daripada kemudaran tambahan seperti pelanggaran dan eksplorasi hak asasi manusia. Pembekal diminta untuk melaksanakan atau mengukuhkan sistem dan dasar pengurusan sumber manusia yang relevan bagi menangani risiko yang dihadapi oleh pekerja asing. Pekerja asing tidak boleh diancam dengan pendakwaan kepada pihak berkuasa atau penahanan dokumen rasmi dengan niat untuk memaksa mereka bersetuju dengan syarat-syarat pekerjaan atau mempengaruhi kemampuan mereka untuk berhenti kerja.

## ⦿ Buruh Paksa atau Tidak Sukarela

Kraft Heinz melarang penggunaan segala jenis buruh paksa, terikat, kontrak atau wajib, termasuk buruh penjara, buruh kontrak, buruh terikat, buruh tentera, buruh hamba atau apa-apa bentuk pemerdagangan manusia. Semua pekerja mesti bekerja dalam keadaan sukarela dan bebas untuk berhenti kerja pada bila-bila masa.

## ⦿ Waktu Kerja, Minggu Kerja dan Pembayaran Gaji

Pembekal mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa mengenai gaji, upah lebih masa, faedah, cuti dan waktu kerja maksimum. Pekerja hendaklah mendapat gaji yang adil dan saksama. Pembekal juga mesti menghormati undang-undang yang berkaitan dengan had waktu kerja biasa dan lebih masa, serta memastikan agar kerja lebih masa dilakukan secara sukarela dan dibayar upah dengan adil.

Sekiranya tidak ditetapkan oleh undang-undang, pembekal hendaklah memberikan sekurang-kurangnya satu waktu rehat selama 24 jam berturut-turut dalam setiap tempoh 7 hari. Pekerja berhak mendapat tempoh rehat yang wajar, cuti tahunan dan cuti bergaji.

## ⦿ Amalan Penggajian Tanpa Diskriminasi

Pembekal tidak boleh mengamalkan diskriminasi dalam pengambilan kerja, pemberian kontrak atau amalan pekerjaan termasuk, tetapi tidak terhad pada, pampasan, kenaikan pangkat, disiplin, penamatkan kerja dan persaraan. Pembekal tidak akan mengamalkan diskriminasi berdasarkan bangsa, umur, jawatan, jantina, identiti jantina, warna kulit, etnik, agama, negara asal, kecenderungan seksual, status perkahwinan, kehamilan, tanggungan, ketidakupayaan, kelas sosial, keanggotaan kesatuan dan/atau pandangan politik. Pembekal juga tidak akan mengamalkan diskriminasi berdasarkan mana-mana keadaan atau ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang atau peraturan yang berkenaan.

## ⦿ Kebebasan Menyertai Persatuan & Perundingan Kolektif

Pembekal hendaklah mengiktiraf dan menghormati kebebasan dan hak setiap pekerja untuk menyertai persatuan dan melakukan perundingan kolektif. Pembekal mesti menghormati hak-hak ini dengan mengekalkan persekitaran profesional yang bebas daripada rasa takut akan pembalasan, intimidasi atau gangguan.


## ⦿ Hak-hak Tanah

Kraft Heinz menentang semua bentuk pengambilalihan tanah yang menyalahi undang-undang. Pembekal mesti menghormati hak pemilikan tanah wanita, penduduk asli dan masyarakat setempat yang terkesan oleh operasi mereka. Pembekal juga mesti mematuhi prinsip Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu Persetujuan Yang Bebas, Terdahulu dan Berpengetahuan dalam amalan pencarian sumber mereka. Pembekal tidak boleh mengambil tanah secara paksa. Kraft Heinz mengharapkan semua pembekal mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan hak penggunaan tanah, termasuk tetapi tanpa had, memiliki permit penggunaan tanah yang sah (contohnya untuk pertanian, perkilangan atau apa-apa penggunaan industri lain) dan mendapat kelulusan untuk menggunakan air tanah atau sumber air lain, seperti sungai atau tasik berdekatan.

## ⦿ Pertimbangan Linguistik

Dokumentasi teras mengenai hak-hak pekerja, syarat-syarat pekerjaan dan hal-hal keselamatan hendaklah tersedia dalam bahasa negara/wilayah tuan rumah.

 **Syarat Wajib:** Selain mematuhi Dasar ini, semua pembekal diminta untuk mematuhi piawaian yang berkaitan dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab sepetimana yang terkandung dalam [Dasar Hak Asasi Manusia Kraft Heinz](#).





**Kami percaya bahawa  
pekerja berhak mendapat  
persekitaran kerja yang  
selamat dan sihat.**

Syarikat Kraft Heinz komited untuk menyediakan tempat kerja yang sihat, selamat dan terjamin untuk pekerja, subkontraktor dan semua orang yang mengunjungi kemudahan kami. Kami percaya bahawa semua majikan – tanpa mengira industri – bertanggungjawab untuk menerapkan piawaian yang tinggi dalam program kesihatan dan keselamatan di tempat kerja mereka bagi melindungi para pekerja.

 **Syarat Wajib:** Semua yang berikut adalah syarat wajib untuk para pembekal kami.

## ⦿ Kesihatan dan keselamatan

Pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa mengenai kesihatan dan keselamatan pekerja, dan memberikan tanggungjawab kepada wakil pengurusan kanan untuk menjaga kesihatan dan keselamatan di tempat kerja. Di samping itu, Kraft Heinz menghendaki pembekal untuk menjaga piawaian kesihatan dan keselamatan berikut sekurang-kurangnya pada tahap yang minimum:

- Tempat kerja tidak boleh membahayakan kesihatan dan keselamatan dan hendaklah bebas daripada bahaya yang diketahui;
  - Peralatan pelindung diri yang mematuhi undang-undang tempatan, piawaian (mengikut OSHA, jika berkenaan), dan syor Pertubuhan Kesihatan Sedunia (yang berkaitan dengan krisis kesihatan global) hendaklah disediakan kepada pekerja;
  - Bahan-bahan kimia hendaklah disimpan dan dikendalikan dengan selamat, dan senarai semua bahan kimia yang digunakan diharap boleh dan hendaklah disediakan sekiranya diminta;
  - Latihan mengenai kesihatan dan keselamatan disediakan untuk pekerja dalam bahasa negara/wilayah operasi, dengan terjemahan dibentangkan dan tersedia apabila terdapat 30 peratus warga kerja yang bertutur dalam bahasa lain, sebagaimana berkenaan dengan skop kerja mereka (termasuk berkaitan dengan bahan kimia) dan pembekal mesti menyimpan rekod untuk semua latihan yang disediakan;
    - › Pekerja mesti mempunyai akses kepada penjagaan perubatan kecemasan; dan
    - › Semua tempat kerja mesti mempunyai laluan keluar kecemasan yang ditanda dengan jelas.
- Sekiranya sesuai, papan tanda dan penunjuk keselamatan mesti dilengkapi dengan terjemahan.

## ⦿ Tempat penginapan

Pembekal hendaklah memberi pekerja akses kepada air minum yang bersih, tandas bersih dan kemudahan mencuci tangan, pengaliran haba dan pengudaraan yang mencukupi, kemudahan sanitari untuk penyimpanan makanan dan tempat tinggal yang bersih. Semua kemudahan mesti mempunyai lauan keluar yang ditanda dengan jelas dan tidak tersekat sekiranya berlaku kecemasan. Sekiranya tempat tinggal disediakan untuk pekerja, sama ada oleh pembekal atau penyedia tenaga kerja atau subkontraktor lain, pembekal mesti memastikan agar kemudahan tersebut bersih, selamat dan diselenggara dengan baik.

## ⦿ Gangguan, Penderaan dan Tindakan Tatatertib

Setiap pekerja berhak dilayan dengan hormat dan bermaruah. Pembekal mesti menetapkan dasar dan amalan yang melarang penggunaan hukuman dera dan memastikan agar pekerja tidak menghadapi sebarang bentuk gangguan dan/atau penderaan fizikal, seksual, psikologi atau lisan. Tindakan tatatertib mesti diambil hanya apabila wajar, dengan cara yang profesional dan beretika serta tidak melibatkan denda berupa wang.

Pembekal hendaklah memberi semua pekerja akses kepada mekanisme aduan sulit.





## Kami menggalakkan kepelbagaian pembekal.

Kepelbagaian pembekal di Kraft Heinz termaktub dalam satu nilai teras kami iaitu "Kami Mahu Kepelbagaian." Kami percaya bahawa kejayaan kami bergantung pada amalan perniagaan kami yang menampilkan kepelbagaian dan bersifat lebih menyeluruh dari sehari ke sehari. Kami komited untuk menjana penambahbaikan bagi masyarakat terpinggir dengan memastikan agar sumber bekalan kami mewakili para pekerja kami. Kepelbagaian pembekal adalah salah satu cara yang dilakukan oleh Kraft Heinz untuk memasukkan nilai-nilai kami ke dalam visi perniagaan masa depan kami.

Kami komited untuk melibatkan pelbagai pembekal secara adil dalam semua aktiviti perolehan kami. Kami berusaha agar hubungan antara pembekal dan rantai nilai kami lebih mudah diakses dan merangkumi perniagaan yang dimiliki oleh wanita, etnik minoriti, lesbian, gay, biseksual dan transgender, orang kurang upaya dan veteran, dan program HUBZone SBA. Kami giat mencari peluang untuk membina perkongsian perniagaan dan meningkatkan perbelanjaan dengan jenis-jenis perniagaan yang pelbagai ini dan mengambil pendekatan penambahbaikan berterusan untuk mengkaji semula amalan perniagaan kami dan membuang halangan yang diketahui.

- ✓ **Jangkaan Amalan:** Kraft Heinz mengajak pembekal kami untuk bersama-sama kami dalam usaha untuk meningkatkan amalan perniagaan yang pelbagai dan lebih menyeluruh dengan menerapkan kepelbagaian pembekal dalam amalan pencarian sumber, dasar dan perancangan pengurusan mereka sendiri. Kami mengajak pelbagai pembekal untuk menyertai peluang perniagaan masa depan dengan KHC.



## Kami komited untuk melindungi haiwan dan kebajikan mereka.

Kraft Heinz komited untuk memberi layanan berperikemanusiaan kepada haiwan dan menambah nilai-nilai kebajikan haiwan secara berterusan. Kami tidak bertolak ansur dengan apa jua penderaan haiwan oleh pembekal kami. Kraft Heinz meminta pembekalnya menyokong dan terus berusaha ke arah ‘Lima Prinsip Kebebasan’ (diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk kebajikan haiwan):

- Kebebasan daripada kelaparan dan kehausan
- Kebebasan daripada ketidakselesaan fizikal dan termal
- Kebebasan daripada kesakitan, kecederaan atau penyakit
- Kebebasan untuk memperlihatkan tingkah laku/perwatakan yang normal
- Kebebasan daripada ketakutan dan penderitaan



**Syarat Wajib:** Sebagai tambahan kepada Dasar ini, semua pembekal langsung Kraft Heinz mesti mematuhi [Dasar Kebajikan Haiwan](#) dan Panduan Pelaksanaan Dasar Kebajikan Haiwan. Semua pembekal yang terlibat dalam urusan pembelian produk haiwan oleh Kraft Heinz diharap dapat mengambil bahagian dalam Penilaian Risiko Kebajikan Haiwan Global yang disediakan oleh Kraft Heinz setiap tahun.



## Kami adalah penjaga alam sekitar.

Di Kraft Heinz, penjagaan alam sekitar bermula dengan jejak operasi kami sendiri. Kraft Heinz giat berusaha untuk menjimatkan air dan tenaga, mengurangkan emisi, meminimumkan sisa dan menghasilkan pembungkusan yang bersifat mampan. Misi penjagaan alam sekitar kami meliputi aktiviti dalam rantaian bekalan kami, di mana pembekal kami juga mempunyai tanggungjawab untuk meminimumkan kesan persekitaran disebabkan bahan, produk dan operasi mereka.

Ancaman perubahan iklim dan kerosakan alam sekitar yang semakin meningkat kini ternyata lebih ketara berbanding sebelumnya. Kraft Heinz komited untuk mengambil pendekatan holistik bagi menangani perubahan iklim dan memelihara alam sekitar di bawah strategi tungggak kami "Sumber yang Bertanggungjawab". Kami komited untuk bekerjasama dengan para pembekal kami dalam menangani risiko serta membangunkan penyelesaian dan amalan pengurusan yang mampan dengan tujuan melindungi dan memelihara alam sekitar.

 **Syarat Wajib:** Pembekal mesti, sekurang-kurangnya, mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkuatkuasa dalam operasi mereka. Sekiranya berkenaan, syarat wajib tambahan telah dinyatakan dalam bahagian ini.

 **Jangkaan Amalan:** Semua pembekal mesti menyedari dan memahami risiko dan kesan persekitaran dalam operasi dan rantaian bekalan mereka. Pembekal kami hendaklah mula berusaha ke arah amalan terbaik untuk penjagaan alam sekitar sepertimana yang dinyatakan dalam bahagian ini:

## Penjagaan Air

Kraft Heinz komited untuk menerapkan amalan pengurusan air terbaik dalam operasinya sendiri dan mengharapkan agar semua pembekalnya juga menggunakan amalan pengurusan air yang cekap bagi mengurangkan kesan kolektif terhadap persekitaran.

**Syarat Wajib:** Pembekal yang beroperasi di kawasan masalah bekalan air (mengikut takrifan Program Air Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan dinilai melalui kaedah-kaedah dalam Mandat Air CEO Bangsa-Bangsa Bersatu) mesti melakukan langkah-langkah berikut:

- › Melaksanakan pelan pengurusan air dengan objektif untuk mengurangkan penggunaan air; dan,
- › Sekiranya boleh, mengitar semula atau menggunakan semula air dalam operasi mereka sendiri.

**Jangkaan Amalan:** Sebagai sebahagian daripada ikrar Kraft Heinz kepada Mandat Air CEO Kompak Global Bangsa-Bangsa Bersatu, kami mengharapkan agar semua pembekal berusaha untuk meningkatkan amalan pengurusan air melalui cara-cara berikut:

- Menganalisis dan bertindak balas terhadap risiko tадahan air;
- Melaksanakan penilaian penggunaan air dan impaknya, termasuk penilaian kaedah-kaedah penjimatan air;
- Melaporkan dan mendedahkan pengurusan air;
- Menerapkan amalan pengairan yang cekap dalam operasi pertanian dan berusaha mengurangkan risiko limpaan;
- Mengambil tindakan untuk menjaga kualiti dan bekalan sumber air semula jadi (contohnya air bawah tanah, lautan, sungai atau tasik); dan
- Berkongsi amalan terbaik pemuliharaan air dengan rakan-rakan di sepanjang rantai bekalan.

## Pengurusan Sisa

Di Kraft Heinz, kami berfikir mengenai pembaziran dari sudut holistik. Dalam operasi sendiri, kami menggunakan penilaian sisa terperinci bagi membantu kami menentukan cara-cara untuk mengurangkan, menggunakan semula dan mengitar semula sisa. Kraft Heinz menyalurkan lebih 90 peratus sisa pepejalnya untuk penggunaan kitar semula atau produk sampingan di loji-loji pembuatannya di seluruh dunia.

**Syarat Wajib:** Pembekal mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan pembuangan dan rawatan sisa yang berkenaan, dan mempunyai permit sah dan terkini untuk penggunaan dan pembuangan sisa dan air.

**Jangkaan Amalan:** Semua pembekal hendaklah berusaha untuk menggalakkan inisiatif pengurangan sisa dan penggunaan sumber yang bertanggungjawab. Pengalihan sampah dari tempat pembuangan sampah melalui usaha-usaha pengurangan, penggunaan semula dan kitar semula serta peningkatan kecekapan, telah menjadi amalan standard yang kami harap dapat dipertimbangkan oleh semua pembekal dalam operasi mereka. Selain program pengurusan dan pengalihan sampah yang menyeluruh, amalan terbaik berikut juga hendaklah dipertimbangkan oleh semua pembekal:

- Melaksanakan langkah-langkah penjagaan alam sekitar semasa mengendalikan dan melupuskan sisa, bahan kimia dan bahan berbahaya lain;
- Tidak membuang sisa ke dalam tempat takungan air seperti sungai, tasik, air tanah atau lautan - kecuali sisa yang dirawat, mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa dan apa-apa permit yang berkenaan;
- Air kumbahan dan air cucian yang tidak dirawat tidak boleh dibuang ke dalam tanah atau takungan air bawah tanah; dan
- Melaksanakan langkah-langkah pembuangan sisa biologi dengan cara yang bertanggungjawab.

## Pelepasan gas rumah hijau

Menangani perubahan iklim bererti memikirkan semula amalan perniagaan dan kesannya terhadap pelepasan gas rumah hijau. Kraft Heinz komited untuk menukar sebahagian besar sumber elektrik yang kami beli dari sumber konvensional kepada sumber yang boleh diperbaharui pada tahun 2025.

**Syarat Wajib:** Pembekal mesti mengukur dan melaporkan pelepasan SCOPE1 dan SCOPE2 mereka dengan berkesan sepertimana yang diperlukan dan ditakrifkan oleh Protokol Gas Rumah Hijau.

**Jangkaan Amalan:** Memandangkan hampir 80% jejak alam sekitar kami berasal daripada rantai bekalan huluan, kami mengharapkan agar para pembekal akan bekerjasama dengan kami untuk mengurangkan penggunaan tenaga mereka dan mengutamakan sumber tenaga alternatif yang boleh diperbaharui. Pembekal juga hendaklah berusaha untuk meningkatkan pemahaman tentang pelepasan SCOPE 3 mereka.





## Amalan Pertanian

Kraft Heinz mempunyai reputasi kukuh sebagai syarikat yang mendukung amalan pertanian bertanggungjawab dan komitmen yang diperbaharui terhadap Pertanian Lestari sebagaimana termaktub dalam Program Pertanian Lestari kami. Amalan Pertanian Lestari Kraft Heinz akan mengemudi strategi penglibatan kami seiring dengan usaha Kraft Heinz untuk menggunakan 100% sumber mampan dalam penghasilan sos tomato Heinz menjelang tahun 2025.

Kami bekerja keras untuk memajukan amalan yang meningkatkan kesihatan tanah dalam rantai bekalan kami disebabkan peranannya yang penting dalam mengekalkan produktiviti tanaman, kelestarian alam sekitar dan kesihatan manusia. Kami percaya bahawa langkah-langkah yang sewajarnya harus diambil untuk meminimumkan kesan terhadap kualiti tanah demi memelihara kesihatan dan pemuliharaan tanah dalam jangka masa panjang. Pengurusan tanah yang sempurna dapat mengukuhkan mata pencarian petani dan hasil tanaman mereka untuk tempoh yang lama.

### **Syarat Wajib:** Pembekal tidak boleh:

- Menggunakan racun perosak atau racun herba yang dianggap menyalahi undang-undang di negara operasi; dan
- Menggunakan bahan kimia dan racun perosak yang terdapat dalam senarai Pertubuhan Kesihatan Sedunia Bahagian Ia & Ib dan Rotterdam PIC

### **Jangkaan Amalan:** Pembekal hendaklah:

- Berusaha melaksanakan Amalan Pertanian Lestari Kraft Heinz (Masukkan Hiperpautan jika ada);
- Tidak melakukan aktiviti pembakaran sebagai kaedah penyediaan tanah (melainkan dianggap bermanfaat oleh penilaian alam sekitar) atau untuk pembuangan sisa tuaian;
- Mengukur input seperti air, baja dan barang-barang lain yang digunakan dan mengemukakan input yang didokumentasikan kepada Kraft Heinz sekiranya diminta; dan
- Mengambil sampel tanah untuk mengesahkan jenis nutrien yang diperlukan untuk tanah mereka bagi menyokong pengurusan kesihatan tanah yang cekap tanpa menggunakan sumber secara berlebihan.

## Kepelbagaian Biologi

Pemeliharaan kepelbagaian biologi (biodiversiti) adalah komponen penting dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem. Kepelbagaian biologi berperanan sebagai ekosistem sokongan hayat untuk planet kita dan sangat penting dalam menyokong perkembangan mampan sistem makanan global kita. Kraft Heinz percaya bahawa teknologi biokejuruteraan (bioengineered, "BE") dapat membantu meningkatkan bekalan makanan, mengurangkan kos dan meminimumkan penggunaan racun perosak, air dan keseluruhan kos pengeluaran. Oleh itu, kami mematuhi semua undang-undang yang mentadbir penggunaan dan/atau pelabelan bahan-bahan biokejuruteraan dan kami bekerjasama dengan organisasi luar untuk mengesahkan dakwaan "bukan-BE" kami.

 **Syarat Wajib:** Pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang mentadbir penggunaan dan/atau pelabelan bahan-bahan BE. Amalan berikut adalah diwajibkan untuk semua pembekal:

- Larangan pemburuan, penangkapan atau pengumpulan spesies yang jarang ditemui dan/atau terancam tanpa kelulusan undang-undang yang jelas; dan,
- Penuaan spesies liar yang disenaraikan dalam Senarai Merah Spesies Terancam Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Semula Jadi (International Union for Conservation of Nature's Red List of Threatened Species, atau senarai merah IUCN) adalah tidak dibenarkan.

 **Jangkaan Amalan:** Pembekal hendaklah mengambil langkah-langkah praktikal untuk memahami dan mengurangkan risiko kepelbagaian biologi dalam operasi mereka. Jangkaan amalan adalah tidak beroperasi di tanah dengan Nilai Pemuliharaan Tinggi dan untuk terus melindungi tanah tersebut. Amalan berikut hendaklah dipertimbangkan oleh semua pembekal – dengan perhatian khusus terhadap pembekal yang mempunyai jejak pertanian:

- Menetapkan zon penimbang yang tidak dirawat oleh baja dan tidak boleh diakses oleh ternakan;
- Memastikan amalan penuaan liar dikendalikan bagi memastikan pertumbuhan semula spesies liar; dan
- Berusaha menerapkan amalan yang melindungi dan memulihkan kepelbagaian biologi.

## Sumber Protein

Sebagai syarikat makanan, kami bertanggungjawab untuk menyedari bahawa makanan adalah berbeza dari segi impak terhadap alam sekitar, terutamanya kuantiti air dan tanah yang diperlukan, pengurusan nutrien dan gas rumah hijau yang dilepaskan. Sumber protein telah dikenal pasti sebagai kategori berisiko tinggi, dan Kraft Heinz giat berusaha untuk mempelbagaikan sumber protein.

Pencarian sumber protein seperti telur, soya, tenusu dan daging perlu dilakukan dengan cara yang menghormati dan prihatin terhadap haiwan, manusia dan alam sekitar di sepanjang rantai bekalan global.

 **Jangkaan Amalan:** Pembekal hendaklah meningkatkan kesedaran tentang bidang risiko yang dikaitkan dengan sumber protein dan hendaklah berusaha menerapkan amalan terbaik sebagaimana bersesuaian. Bagi tujuan tersebut, pembekal hendaklah:

- Berusaha memperlakukan penebangan hutan dan mengurangkan pelepasan dan eutrofikasi melalui pengeluaran daging dan tenusu;
- Membangunkan kesedaran mengenai risiko pemerolehan bahan mentah industri terhadap penebangan hutan;
- Melarang penggunaan antibiotik kecuali diperlukan untuk kebajikan haiwan; dan
- Memastikan pencarian sumber protein dilakukan secara bertanggungjawab dan bebas daripada aktiviti berkaitan penebangan hutan – dengan memfokus pada risiko meluas dalam rantai bekalan makanan haiwan.

## Pembungkusan Mampan

Peningkatan berterusan dalam teknologi pembungkusan sangat penting dalam memerangi penimbunan sisa dan perubahan iklim. Kita semua hendaklah memberi keutamaan terhadap cara-cara untuk memminimumkan kesan persekitaran akibat bahan pembungkusan. Untuk merealisasikan amalan tersebut, adalah penting bagi kami untuk mengeluarkan pembungkusan yang tidak diperlukan daripada rantai bekalan kami dan terus berusaha untuk mengitar semula, menggunakan semula dan membuat kompos, serta menggunakan bahan kitar semula dengan sekrap yang boleh sambil mengurangkan kuantiti pembungkusan yang tidak boleh dikitar semula dan bahan asli.

 **Jangkaan Amalan:** Kraft Heinz bekerjasama dengan pembekal untuk menggunakan kaedah pembungkusan yang lebih mampan dalam rangkaian pembuatan, penyimpanan, pengangkutan, pengedaran dan penjualan kami. Kami menggalakkan semua pembekal untuk memanfaatkan perkongsian mereka dengan Kraft Heinz bagi memacu penambahbaikan dalam teknologi pembungkusan mampan – sama ada dalam rantai bekalan kami atau dalam pembungkusan pengguna. Pembekal diharap dapat berinovasi dan terus melakukan penambahbaikan demi menyokong inisiatif pembungkusan mampan.

## Mengurangkan Kesan Alam Sekitar disebabkan Penggunaan Bahan Kimia

Tumpahan kimia boleh membawa kesan buruk – atau kesan kekal – terhadap persekitaran kita. Semua perniagaan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan generasi masa kini dan masa depan dengan mengambil segala tindakan yang diperlukan bagi mencegah kesan mudarat akibat penggunaan bahan kimia dalam persekitaran kita.

 **Syarat Wajib:** Kraft Heinz menggesa ketelusan mengenai bahan kimia yang digunakan dalam operasi pembekal atau ladang.

 **Jangkaan Amalan:** Semua pembekal hendaklah berusaha untuk melakukan perkara berikut:

- mengkaji kaedah baharu untuk mengurangkan jumlah bahan kimia yang diperlukan;
- mengubah suai teknik pengeluaran untuk mengelakkan proses tertentu yang memerlukan penggunaan bahan kimia cemar; dan
- melaksanakan proses untuk mencegah kebocoran atau tumpahan bahan kimia atau bahan berbahaya lain dan menunjukkan usaha dalam memperbaiki sebarang kesan terhadap alam sekitar.

## Penebangan hutan

Setiap tahun, berjuta-juta hektar hutan ditebang, seterusnya menyumbang kepada kehilangan kepelbagaiannya biologi dan habitat haiwan serta mempercepat kesan perubahan iklim. Kraft Heinz mengakui bahawa hutan sangat penting untuk kehidupan dan kita semua bertanggungjawab untuk menghalang kemusnahan hutan dengan lebih lanjut.

Pencarian sumber bahan-bahan utama dan bahan mentah seperti soya, gula, koko, tenusu, daging dan serat perlu dipertimbangkan dengan teliti bagi memperlakukan aktiviti penebangan hutan di seluruh dunia.

Kelapa sawit adalah salah satu penyumbang utama terhadap penebangan hutan. Oleh itu, Kraft Heinz komited untuk menggunakan sumber minyak sawit yang bertanggungjawab sahaja. Pada masa yang sama, kami mengharapkan agar semua pembekal kami juga menggunakan sumber minyak sawit yang bertanggungjawab. Penting bagi kita untuk mengetahui sumber semua minyak sawit yang digunakan dalam produk kita dan memastikan sumbernya dapat dijelak.

 **Syarat Wajib:** Semua pembekal mesti mematuhi [Dasar Minyak Sawit Kraft Heinz](#).





## Tanggungjawab Kraft Heinz kepada Pembekalnya

Kraft Heinz menyedari bahawa pembekalnya adalah rakan perniagaan utama yang menyumbang kepada prestasi kami yang semakin meningkat dari sehari ke sehari. Kraft Heinz akan mematuhi prinsip-prinsip berikut ketika berurusan dengan para pembekal.

- Kraft Heinz akan sentiasa melayan semua pembekalnya dengan jujur, beretika dan adil. Kraft Heinz tidak akan memberi gambaran yang salah kepada pembekal secara sengaja.
- Kraft Heinz tidak akan mengambil kesempatan atas kesilapan pembekal yang tidak disengajakan.
- Kraft Heinz akan berusaha menyelesaikan sebarang masalah atau pertikaian secara adil dan berdasarkan fakta.

# Pelaksanaan & Latihan

## Pelaksanaan oleh Pembekal


Pembekal hendaklah mengekalkan budaya integriti dan kepatuhan serta melaksanakan dasar, sistem pengurusan, prosedur dan pengambilan pekerja yang memenuhi keperluan Prinsip-prinsip Panduan Pembekal ini dan undang-undang yang berkaitan. Ini termasuk menugaskan seseorang individu atau individu yang mempunyai kuasa secukupnya bagi memastikan komunikasi mengenai, dan pematuhan dengan, syarat-syarat ini dalam operasi Pembekal dan di sepanjang rantaian bekalan yang berkaitan dengan Pembekal. Kraft Heinz mengiktiraf dasar, proses, struktur tadbir urus dan komunikasi sedia ada di pihak pembekal yang membolehkan pembekal mengesahkan pematuhan dengan syarat-syarat Prinsip ini secara bertulis.

Pembekal mesti menandatangani kontrak, membuat pesanan belian dan menjalin hubungan perniagaan dengan penuh integriti dan melalui cara yang mewajibkan pematuhan terhadap syarat-syarat dalam Prinsip ini. Pembekal hendaklah memenuhi spesifikasi dan syarat-syarat dalam dokumen kontrak yang relevan dengan Kraft Heinz ketika menghantar produk dan/atau perkhidmatan.

## Latihan

Kraft Heinz akan menyediakan bahan-bahan latihan kepada pembekal mengenai Prinsip ini dan piawaian lain yang berkaitan. Kraft Heinz menghendaki agar semua wakil pembekal atau pengurus akaun yang terlibat dalam urusan perniagaan Kraft Heinz meneliti bahan-bahan latihan ini.

Bagi menyokong pematuhan pembekal terhadap Dasar ini, pembekal bertanggungjawab untuk memenuhi Syarat Wajib dan Jangkaan Amalan sebagaimana wajar. Sekiranya dasar dan amalan sedia ada pembekal memenuhi atau menjangkaui Syarat Wajib dalam Dasar ini, latihan dan komunikasi pembekal kepada pekerjanya berkenaan dengan dasar dan amalannya sudah cukup untuk memenuhi syarat ini.



# Pemantauan & Pematuhan

Pembekal diharap dapat mengambil pendekatan pengurusan yang proaktif dalam mengekalkan pematuhan terhadap Dasar ini. Pembekal mesti segera melaporkan sebarang masalah yang diketahui berkaitan ketidakpatuhan terhadap mana-mana **Syarat Wajib** dalam Dasar ini.

## Pemantauan

Kraft Heinz berhak memantau pematuhan pembekal terhadap Dasar ini melalui pengisytiharan kendiri pembekal (iaitu SEDEX untuk pembekal langsung dan EcoVadis untuk pembekal tidak langsung) dan perakuan, soal selidik atau penilaian dalam talian, dan/atau pengesahan melalui audit luaran seperti mana yang diterangkan dalam bahagian Audit di bawah.

Pembekal membenarkan Kraft Heinz dan ejennya yang dilantik (termasuk pihak ketiga yang dilantik) untuk terlibat dalam aktiviti pemantauan setiap lokasi pembekal pada setiap tahun, termasuk audit di lokasi dengan memberi notis yang munasabah. Kraft Heinz berhak melakukan audit tambahan untuk menyelidik kemungkinan ketidakpatuhan terhadap Prinsip-prinsip ini, mengkaji semula pelaksanaan tindakan pembetulan, atau untuk mematuhi permintaan pihak kawal selia atau pihak ketiga yang lain.

## Audit Luar

Jenis audit pembekal yang dilakukan akan ditentukan oleh jenis produk atau perkhidmatan yang disediakan kepada Kraft Heinz oleh pembekal:

- **Pembekal Langsung** (pembekal bahan mentah, pembungkusan, dan barang yang akan digunakan dalam produk akhir, serta pengeluar luar):

› Audit SEDEX SMETA atau audit pihak ketiga alternatif yang diluluskan oleh Kraft Heinz.

- **Pembekal Tidak Langsung** (pembekal perkhidmatan atau barang yang bukan merupakan bahan langsung):

› Penilaian Tanggungjawab Sosial Korporat EcoVadis atau audit pihak ketiga alternatif yang diluluskan oleh Kraft Heinz.

## Menangani Ketidakpatuhan

Sekiranya Kraft Heinz menyedari tindakan pembekal adalah bertentangan dengan keperluan Dasar ini, Kraft Heinz akan mengambil tindakan sewajarnya untuk menyiasat sebarang ketidakpatuhan yang dilaporkan dan membincangkan penemuan tersebut dengan pembekal. Pembekal hendaklah membantu siasatan ini dan memberikan akses kepada maklumat yang diminta. Sekiranya Kraft Heinz menetapkan perlunya tindakan pemulihan, pembekal akan melaksanakan pelan tindakan pembetulan untuk membetulkan semula ketidakpatuhan itu dengan segera.

Sekiranya berlaku tatakelakuan serius atau berterusan yang melanggar Dasar ini, tatakelakuan Pembekal akan dinilai berdasarkan kes. Kraft Heinz berhak menamatkan sebarang perjanjian atau hubungan perniagaan dengan pembekal yang gagal memenuhi mana-mana Syarat Wajib dalam Dasar ini.


## Melaporkan Kebimbangan


Pembekal mesti menyediakan mekanisme sulit kepada pekerja untuk melaporkan sebarang aduan, salah laku atau pelanggaran Prinsip-prinsip ini di tempat kerja, atau isu berkaitan undang-undang atau etika. Masalah yang dilaporkan itu hendaklah ditangani dengan segera tanpa menjatuhkan maruah mana-mana pihak, dan tindakan pembetulan yang diambil berikutan siasatan tersebut mesti didokumentasikan. Pembekal mesti melarang apa-apa bentuk tindakan balas terhadap pekerja yang melaporkan pelanggaran dengan niat baik atau yang bekerjasama dalam siasatan.

Pembekal dan/atau mana-mana pekerja, kontraktor atau ejen pembekal juga digalakkan untuk melaporkan:

1. Sebarang kemungkinan ketidakpatuhan terhadap Prinsip ini, atau
2. Sebarang pelanggaran atau salah laku oleh mana-mana pekerja, wakil atau ejen Kraft Heinz yang lain ke Talian Etika & Pematuhan Kraft Heinz.

Talian Etika & Pematuhan Kraft Heinz dikendalikan oleh pihak ketiga yang bebas. Talian pelbagai bahasa ini adalah sulit dan tersedia 24 jam sehari. Laporan boleh dibuat melalui nombor telefon bebas tol yang khusus mengikut negara atau secara dalam talian di [www.KraftHeinzEthics.com](http://www.KraftHeinzEthics.com). Kraft Heinz menggalakkan pembekal supaya memaklumkan tentang ketersediaan talian Etika dan Pematuhan ini kepada para pekerja mereka. Kraft Heinz tidak akan bertolak ansur dengan tindakan balas terhadap mana-mana individu atau pembekal yang melaporkan kemungkinan salah laku dengan niat baik.





KraftHeinz

Layari [www.KraftHeinzEthics.com](http://www.KraftHeinzEthics.com) untuk mengakses nombor telefon bebas tol yang khusus mengikut negara bagi Talian Etika & Pematuhan Kraft Heinz,  
atau untuk melaporkan sebarang kemungkinan ketidakpatuhan terhadap Prinsip ini secara dalam talian.